



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN 60 TAHUN MUZIUM NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 September 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan 60 Tahun Muzium Negara anjuran Jabatan Muzium Malaysia. Sambutan ini dilaksanakan bersempena dengan penubuhan Muzium Negara pada 31 Ogos 1963 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Muzium Negara menjadi simbol keutuhan perpaduan dan semangat patriotik yang tinggi dalam kalangan seluruh Masyarakat pada ketika itu. Tanpa mengira latar belakang kaum, budaya dan agama, ramai yang tampil menghulurkan derma dan sumbangan mereka sama ada dalam bentuk wang ringgit, penyerahan koleksi mahupun tenaga, idea dan kemahiran tertentu misalnya dalam bidang peragaan, lukisan, hiasan dan seni ukiran.

Sepanjang enam (6) dekad penubuhannya, Muzium Negara telah berjaya mengadakan pameran dengan kerjasama strategik pelbagai pihak sama ada dalam negara atau luar negara. Antara negara luar yang bekerjasama dengan Muzium Negara bagi mengadakan pameran adalah seperti negara-negara Asean, China, Kazakhstan, India, Republik Czech, United Kingdom, USA dan sebagainya. Sehingga Julai 2023, Muzium Negara telah menerima kehadiran lebih 80,759,578 orang pelawat.

Antara pameran '*blockbuster*' dan mendapat sambutan hebat adalah Pameran Tamadun Islam, Pameran Mata Wang Dunia, Pameran Khazanah Dari Kubur, Pameran Kecantikan Bengkung Kaki, Pameran Keris Nusantara dan pameran yang melibatkan pelbagai kaum seperti Masyarakat Baba Nyonya, Chetti, Cina, India, etnik Sabah, etnik Sarawak dan sebagainya.

YB Menteri Perpaduan Menyatakan bahawa penganjuran program tersebut membuktikan kesatuan dan kerjasama utuh di antara muzium serta institusi yang terlibat serta penglibatan masyarakat secara tidak langsung mampu

menyumbang kepada pembangunan sosial yang berterusan, khususnya dalam pembentukan dan pengukuhan jati diri kebangsaan. “Ia sejajar dengan matlamat utama Dasar Perpaduan Negara yang memperkasa usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat,” ujar YB Datuk Aaron.

Sesuatu yang istimewa telah dimaklumkan oleh YB Menteri Perpaduan Negara semasa ucapannya iaitu **pemberian tiket percuma selama tiga (3) hari mulai 1 September hingga 3 September 2023 kepada warganegara Malaysia** yang ingin mengunjungi Muzium Negara dan boleh didapati di kaunter tiket Muzium Negara.

Bersempena dengan Sambutan 60 Tahun Muzium Negara yang bermula dari 31 Ogos hingga 3 September 2023, pelbagai program menarik yang telah dirancang antaranya Pameran, Larian 60 Tahun Muzium Negara, Mini Konsert, Pertandingan, Gerai Jualan, Malam Gema Puisi serta Majlis Apresiasi Media dan Rakan Strategik. Program selama empat hari ini menyasarkan seramai 10,000 hingga 15,000 pelawat akan hadir.

Kementerian Perpaduan Negara

1 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()